

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

Laporan Program Transformasi Ekonomi & Program Transformasi Kerajaan 2012

ETP memberangsangkan, GTP tingkat kehidupan

UM - 20/3/2013

Laporan ETP 2012 menunjukkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar kukuh dan stabil, kadar pengangguran dan inflasi rendah serta pelaburan semakin meningkat

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia telah mencapai kemajuan besar dari segi ekonomi sejak Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilancarkan dua tahun lalu.

Perdana Menteri dalam Laporan Tahunan ETP 2012 memberitahu, sepanjang tahun lalu, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kekal kukuh dan stabil, kadar pengangguran dan inflasi kekal rendah serta pelaburan semakin meningkat, termasuk yang diperoleh daripada Tawaran Awam Permulaan (IPO) ketiga terbesar di dunia melalui penyenaaran Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) di Bursa Malaysia.

Jelasnya, kejayaan itu dicapai walaupun dalam suasana sukar yang dialami negara-negara lain dalam ekonomi global.

"Malaysia menjadi satu-satunya negara yang berada dalam keadaan ekonomi memberangsangkan ketika kesuraman ekonomi global masa kini.

"Dengan berbekalkan latar belakang ini, saya sungguh berbangga kerana berpeluang untuk berkongsi kemajuan ETP dalam membantu mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020," ujarnya.

Tambah Najib, ETP yang juga sebahagian daripada subset Model Ekonomi Baharu (MEB) memberi tumpuan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Beliau berkata, kedua-dua inisiatif tersebut telah merekodkan hasil yang memberangsangkan dalam mencapai matlamat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada 2012.

"ETP juga telah memudahkan pembaharuan struktur silang yang diperlukan bagi Malaysia untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan," jelasnya.

Dalam laporan tersebut, Najib menggariskan kejayaan yang dicapai menerusi pelaksanaan ETP tahun lalu seperti menepati sasaran pertumbuhan KDNK sebanyak lima peratus, penyenaaran FGV di Bursa Malaysia dan pelaksanaan projek Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Lembah Klang.

Kejayaan-kejayaan lain yang dicapai di bawah ETP adalah Projek Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Petronas di Johor, Program

Malaysia menjadi satu-satunya negara yang berada dalam keadaan ekonomi memberangsangkan ketika kesuraman ekonomi global masa kini



NAJIB TUN RAZAK

Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan pengiktirafan Bank Dunia yang meletakkan Malaysia di tangga ke-12 bagi kemudahan dalam menjalankan perniagaan, selain kedudukan teratas bagi kemudahan akses kepada kredit dan tempat keempat bagi perlindungan pelabur.

Bagaimanapun, Najib mengingatkan, Malaysia harus terus menangani isu seperti kemiskinan, produktiviti pekerja,

kelestarian alam sekitar dan pendidikan, manakala faktor-faktor ekonomi luaran bakal kekal sebagai cabaran pada masa hadapan.

Sementara itu, dalam Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2012, Perdana Menteri memberi jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan akan terus bersikap terbuka dan telus sepenuhnya berkaitan matlamat GTP dan pencapaian yang telah diraih.

"Malah, setiap satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) akan terus melalui proses pengauditan dan pengesahan oleh penilai tempatan dan antarabangsa juga, demi menghapuskan sebarang keraguan," katanya.

Beliau juga menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia tampil ke hadapan dan memberitahu tentang bagaimana kerajaan dapat mengubah negara ini ke arah yang lebih baik.

Menurut Najib, GTP 1.0 merupakan langkah pertama yang penting dan lebih banyak cabaran yang menanti serta lebih banyak yang perlu dilakukan sebelum menyatakan misi telah tercapai.

"Menerusi perspektif ini, usaha GTP 1.0 perlu dilihat sebagai wadah yang menghamparkan perediaan asas bagi transformasi dan inovasi yang lebih besar sepanjang satu dekad setengah yang akan datang," ujarnya.

Pencapaian Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2012

1 Malaysia berjaya menepati sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak lima peratus melalui peningkatan dalam pelaburan swasta dan pertumbuhan perbelanjaan domestik.

2 Tawaran Awam Permulaan (IPO) Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) menjadi mercu tanda apabila berjaya memperoleh dana RM10 bilion, jumlah yang ketiga terbesar di dunia pada tahun itu.

3 Pelaksanaan projek Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Lembah Klang yang diterajui Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur / Klang Valley bermula pada Mac 2012. Projek itu bertujuan memenuhi permintaan warga kota untuk sistem pengangkutan awam intra bandar yang lebih efisien dan dinamik.

4 Pelancaran projek Pembangunan Integrasi Kilang

Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Petronas bernilai RM60 bilion di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga menyaksikan peningkatan penglibatan Malaysia dalam industri hiliran minyak dan gas. Ia membuka banyak aktiviti ekonomi untuk manfaat rakyat setempat dan negara.

5 Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) telah membantu sebanyak 1,087 kedai runcit meningkatkan daya saing serta mengubah kehidupan pemilik kedai dan perniagaan mereka.

6 Pengiktirafan Bank Dunia menjalankan Perniagaan 2013 yang meletakkan Malaysia di kedudukan ke-12 bagi 'kemudahan dalam menjalankan perniagaan' berbanding tempat ke-18 pada 2012. Malaysia juga menerajui kedudukan laporan bagi kemudahan akses kepada kredit dan telah disenaraikan di kedudukan keempat bagi perlindungan pelabur.

Pencapaian Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2012

1 Memastikan setiap rakyat Malaysia memperoleh akses kepada barangan dan perkhidmatan yang berkualiti serta pada nilai yang terbaik.

2 Menjadikan Malaysia negara yang lebih selamat bagi setiap rakyat dengan membanteras sebahagian besar jenayah.

3 Membasmi kemiskinan tegar dan memberikan bantuan yang signifikan kepada isi rumah berpendapatan rendah.

4 Mengambil langkah-langkah untuk membanteras rasuah dan mendapatkan kerjasama rakan

daripada sektor swasta untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

5 Mempertingkatkan kualiti pendidikan bagi semua pelajar di Malaysia bertujuan memberikan kemahiran yang bersesuaian kepada mereka untuk bersaing dalam pasaran global.

6 Mempertingkatkan dengan ketara akses kepada infrastruktur dan menambah baik sistem pengangkutan awam, terutamanya di kawasan yang kritikal seperti Lembah Klang untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat.